



TEMA 14: PENDIDIKAN



PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA BUKU TEKS M.S. 14 – 26



Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri. **ARAS KESUKARAN TINGGI**

BAHAN 1

Harga Remaja

Berapakah sebenarnya harga remaja yang bersih dari gelodak kecewa bagai kehijauan daun bagai kesegaran pohon di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi piala remajamu adakah cuka kesangsian dari cinta maruah atau madu ajaran dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah

pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu
dengan ketentuan tujuan.

Rahman Dshaari

Antologi Harga Remaja
Dewan Bahasa dan Pustaka

mempunyai
pendirian, ilmu dan
hala tuju (wawasan)
yang jelas

BAHAN 2

Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri saya. Semangat cinta akan generasi bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

Dipetik daripada cerpen 'Munshi' oleh Husna Nazri
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 3

Beberapa Petua Hidup

Ilmu

Jikalau ilmu tiada sempurna,
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikejar,
Asal mahu rajin belajar.

melengkapkan diri
dengan ilmu pengetahuan

Dunia Pergaulan

Dunia ini taman pergaulan,
Hendaklah pilih sahabat dan taulan.
mempunyai sahabat yang baik
Manusia dikenal sifat budinya,
Dengan dilihat siapa kawannya.

Burung yang sama corak dan bulu,
Selalu sekumpul ke hilir ke hulu.

Za'Ba

Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *klar* terhadap *literal*. [2 markah]
Berdasarkan Bahan 2, *klar* terhadap *literal* bermaksud *semakin berkurang atau bertambah pudar*.
- *semakin berkurang / bertambah pudar*
- (ii) Berdasarkan *semua bahan*, nyatakan *keperluan-keperluan* yang seharusnya ada pada setiap *remaja* untuk mengharungi kehidupan yang mencabar. [4 markah]
Berdasarkan *semua bahan*, *keperluan pertama* yang seharusnya ada pada *setiap remaja* untuk mengharungi kehidupan yang mencabar ialah *mereka perlu memiliki jati diri yang kuat atau kental dalam jiwa*. Seterusnya, *mereka perlu berani untuk menempuh lliku-liku hidup dan mempertahankan nilai*. Mereka juga *perlu memiliki ilmu pengetahuan yang luas serta memiliki hala tuju yang jelas dan berfokus*.
- (iii) Remaja perlu bijak memanfaatkan usia remaja mereka dengan melakukan pelbagai perkara yang berfaedah.
Pada pendapat anda, apakah *kesan-kesan* yang berlaku sekiranya para remaja gagal mengisi usia remaja dengan perkara-perkara yang berfaedah? [3 markah]
Antara kesan-kesan yang berlaku sekiranya para remaja-remaja gagal mengisi usia remaja mereka dengan perkara-perkara yang berfaedah termasuklah mereka akan hilang jati diri serta berkemungkinan untuk menghadapi masa hadapan yang gelap kerana tiada ilmu pengetahuan serta kemahiran. Selain itu, mereka juga akan mudah terjebak dalam gejala sosial, di samping merugikan keluarga, masyarakat, dan negara kerana tidak menyumbang bakti.
- (iv) Anda mendapati segelintir rakan di kelas anda asyik mengutamakan keseronokan dan hiburan semata-mata tanpa mempedulikan kepentingan menuntut ilmu dan mendalami ajaran agama.
Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan *tindakan-tindakan* yang akan anda ambil bagi menyedarkan rakan-rakan anda agar memanfaatkan usia muda untuk menuntut ilmu. [4 markah]
Sebagai rakan yang prihatin, saya akan menasihati rakan sekelas saya itu secara berhemah tentang kerugian yang akan dihadapi oleh mereka disebabkan perbuatan mereka itu. Selain itu, saya akan memujuk rakan sekelas saya itu agar meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Seterusnya, saya akan meminta bantuan daripada guru kelas atau kaunselor untuk menasihati rakan sekelas saya itu agar mereka berubah sikap.